

04 OCT 1999

Mokhtar-PAS

PAS SEBENARNYA INGIN TAWAN TERENGGANU, KATA WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 4 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini berkata PAS sebenarnya memberi tumpuan utama untuk menawan Terengganu pada pilihan raya umum akan datang berbanding dengan tiga lagi negeri lain yang dikatakan menjadi idaman PAS untuk memerintah.

Beliau berkata, untuk itu PAS kini menggunakan taktik tentera dalam membuat serangan tanpa disedari Barisan Nasional (BN) bagi mencapai impiannya itu.

"Mereka guna taktik tentera untuk buat serangan, tembak kiri...gempur kanan juga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Bekas Wakil Rakyat Negeri Terengganu (Mubarak) di sini, hari ini.

Beliau berkata sehubungan itu BN Terengganu perlu lebih berwaspada dan benar-benar bersedia untuk memastikan kemenangan calon-calonnya yang dipilih oleh pucuk pimpinan pada pilihan raya kali ini.

PAS menasarkankan Terengganu yang kaya dengan minyak itu sebagai salah sebuah daripada empat buah negeri -- yang lain ialah Kedah, Perlis di samping Kelantan yang sudahpun diperintahnya sekarang -- yang mahu ditawannya pada pilihan raya umum nanti.

"Kita tahu empat negeri yang ditumpu sekarang...itu (hanya) taktik tetapi sebenarnya Terengganu yang lebih menarik perhatian mereka kerana ada hasil," katanya.

Beliau berkata, BN bagaimanapun telah bersedia untuk menghadapi apa juga cara yang digunakan PAS itu.

Terdahulu ketika berucap, Wan Mokhtar meminta semua pihak termasuk bekas wakil rakyat memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjamin kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata hubungan bekas wakil rakyat dan wakil rakyat yang ada sekarang ini perlu dirapatkan semula ibarat tangan kanan dan tangan kiri yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Kerjasama yang erat itu akan memudahkan usaha mematahkan pelbagai serangan yang dilancarkan oleh pembangkang terutama terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

"Serangan pada Perdana Menteri kini ibarat seperti muncung senapang dan yang mendukacitakan kita ialah (terdapat) suara-suara dalaman yang mengutuk Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

SN PR